

Rumah Dua Tingkat Terbakar Gara-Gara Lilin

Oleh: Nur Athirah Bt Ramli, 1180193

KEMAMAN: Sebuah rumah sewa dua tingkat didiami tiga beranak musnah dalam kebakaran yang dipercayai berpunca dari sebatang lilin di Kampung Bakau Tinggi, di sini pada 21 November lalu.

Kejadian berlaku kira-kira jam 11 malam apabila Syafiqah Mustafa, 26, terjaga dari tidur dan mendapati almari dalam biliknya terbakar ketika dia bersama suaminya, Mohd Khairul Rizam Ahmad Zainudin, 27, dan anak mereka, Mohd Adam Rizqi, 2, tidur di bahagian atas rumah tersebut.

Mohd Khairul yang juga pengawal keselamatan di sebuah bank berkata, dia memasang lilin dan meletakkannya di atas sebuah almari sebelum tidur selepas bekalan elektrik di kawasan rumahnya terputus kira-kira jam 8 malam.



Keadaan Rumah Selepas Kebakaran
Sumber Foto: Athirah Ramli

“Saya hanya sempat mencapai beg tangan dan telefon bimbit milik isteri sebelum bergegas menyelamatkan diri bersama anak berusia dua tahun,” katanya.

Isterinya, Syafiqah berkata, dia bergegas membawa turun anaknya ke bahagian bawah rumah dan kembali semula membawa air dan baldi untuk memadamkan kebakaran namun tidak mampu memadamkannya kerana api merebak terlalu pantas.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba Dan Penyelamat Kemaman, Penolong Penguasa Nurhilman Johari berkata, pihak Bomba menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 11.06 malam dan mengambil masa 20 minit untuk memadamkan api.



Keadaan Rumah Selepas Kebakaran.
Sumber Foto: Athirah Ramli

“Siasatan awal menunjukkan kebakaran berpunca dari sebatang lilin yang dipasang oleh penghuni rumah dan lilin tersebut tidak dimatikan sebelum tidur,” ulas Nurhilman Johari.

Dalam pada itu, Syafiqah Mustafa mengalami kecederaan ringan di bahagian siku ketika cuba menyelamatkan diri manakala suami dan anak mereka dalam keadaan baik.

Antara barang berharga yang turut musnah dalam kebakaran tersebut termasuklah sebuah komputer riba, mesin pencetak, mesin jahit dan barangan kraf tangan untuk jualan.

“Harapan saya supaya kami dapat menemukan rumah untuk kami tiga beranak diami dalam masa terdekat,” ujar Syafiqah Mustafa ketika ditemu bual di rumah ibunya di Kampung Pengkalan Sir, di sini.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chukai, Hanafiah Mat meminta Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Kemaman untuk memberi bantuan awal kepada mangsa.



ADUN CHUKAI, Hanafiah Mat Melawat Kawasan Kebakaran Pada Malam Kejadian.
Sumber Foto: Facebook Hanafiah Mat